

Generasi muda jangan kecewa: PM

BH 17 JUL 2000

Oleh Rosli Safar dan Misiah Taib

KUCHING, Ahad - Generasi muda tidak perlu kecewa jika kerajaan tidak menerima nasihat serta pandangan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ini kerana giliran mereka akan tiba untuk mengambil alih kepemimpinan, sekali gus memberi peluang kepada mereka melaksanakan idea berkenaan.

"Jangan kecewa kerana tidak lama lagi saudara-saudari berpeluang mengambil alih pentadbiran negara kita ini dan apabila mengambil alih pentadbiran negara ini, maka berpeluanglah anda melaksanakan pendapat saudara-saudari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perhimpunan Belia Sarawak bersama Perdana Menteri Malaysia di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, di sini, malam ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila.

Dr Mahathir berkata,

giliran generasi muda tetap berpeluang memerintah negara ini.

"Ini (Malaysia) adalah negara anda dan anda perlu menjaganya apabila berada dalam kedudukan untuk memerintah nanti," katanya sambil menambah, generasi muda perlu meneruskan pembangunan negara.

Beliau bagaimanapun mengingatkan golongan muda, akan muncul golongan muda baru yang akan mengkritik mereka bila mereka mengambil alih pucuk kepemimpinan negara suatu hari nanti.

Perkara itu, katanya, sesuatu yang tidak dapat dielakkan, walaupun pada hari ini mereka mempunyai banyak idea mengenai bagaimana negara ini perlu dibangun dan diperintah.

Justeru, Dr Mahathir berkata, belia di negara ini perlu menyiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecakapan sesuai untuk mengambil alih kepemimpinan negara masa depan.

Katanya, generasi muda harus memanfaatkan sepenuhnya kemudahan disediakan kerajaan dan swasta dalam usaha meningkat-

kan ilmu, kemahiran serta kebolehan diperlukan.

Beliau berkata, generasi muda bertanggungjawab memastikan wawasan menjadikan negara ini negara maju menjelang 2020, dapat direalisasikan, kerana ianya dirancang untuk mereka, bukan generasi sekarang.

Sementara itu, Dr Mahathir mengingatkan generasi muda supaya mematuhi sistem undang-undang di negara ini bila mereka memikul tanggungjawab memimpin negara.

Katanya, undang-undang di negara ini meliputi semua pihak dan jika ada pihak melakukan pembunuhan, maka mereka akan digantung sampai mati.

"Sistem kehakiman negara tidak berat sebelah, malah hakim tidak mengikut telunjuk mana-mana pihak, kecuali berpandukan undang-undang yang ada," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata generasi muda harus menghormati undang-undang agar negara terus aman dan matlamat menjadi negara maju pada 2020 dapat dicapai.